

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Rumusan Profesional untuk sebuah Platform Perniagaan Bersepadu**

**Subang Jaya, 16 Ogos 2016** – Panasonic telah memperkenalkan Rumusan Sistem yang baru kepada rangkaian penyelesaian perniagaan bersepadunya yang sedia ada. Sebanyak 8 produk baru telah diperkenalkan, menambah lagi kepada rangkaian penyelesaian perniagaan yang luas.

Turut dilancarkan hari ini adalah tema Panasonic - **PROs** yang merupakan singkatan untuk **Professional Solutions** atau **Rumusan Profesional**. Tema ini melambangkan matlamat Panasonic untuk menawarkan *Rumusan Bersepadu untuk Perniagaan yang Menyeluruh*, menggalakkan produktiviti serta kecekapan.

Produk baru yang diperkenalkan adalah:

1. KX-NSX Server Komunikasi: KX-NC1000 & KX-NC2000  
Server komunikasi serbaguna yang membolehkan sehingga 2000 sambungan pengguna yang samada bertempat di satu lokasi mahupun beberapa lokasi untuk disambungkan pada server tunggal bagi mempertingkatkan kecekapan komunikasi (untuk model KX-NC2000 sahaja). Siri KX-NSX dilengkapi ciri-ciri terkini seperti Integrasi Peranti, Sambungan Kamera Pengawasan, dan penyambungan mudah dengan Pusat Hubungan dan Aplikasi Hotel.
2. Persidangan Video HD: KX-VC1000 & KX-VC2000  
Sistem ini menyediakan kemudahan untuk segala operasi perniagaan dengan mengekalkan kecekapan komunikasi walaupun pada jarak yang jauh. Model yang terunggul dalam kelasnya, KX-VC2000 menyokong sehingga 24 laman persidangan video serentak. Ia turut menyokong sambungan peranti berbilang (tetap dan mudah alih) bagi meningkatkan produktiviti.
3. Perisian Pengurusan Video: Persepsi Video  
Perisian Pengurusan Video (PPV) yang dinamik serta senang diguna. Persepsi Video Panasonic PPV menawarkan pemantauan berpusat untuk memantau beberapa tapak terpencil dari satu lokasi dan dilengkapi aplikasi pintar yang menaikkan taraf pemantauan CCTV Panasonic ke tahap yang jauh lebih tinggi. Rumusan ini menyediakan pengurusan keselamatan untuk Bangunan Komersial yang diperkukuhkan, pengecaman plat kenderaan, pengecaman wajah, serta pengesanan pencegahan beranalisis.
4. Sistem Interkom IP  
Ini merupakan sistem keselamatan kediaman bersepadu sehenti yang mengawasi keselamatan kediaman. Penyambungan mudah kepada CCTV, butang panik, pengesanan asap, sistem mudah alih dan PBX turut membuatkan sistem ini teramat sesuai untuk bangunan pejabat dan komersial.
5. Projektor : PT-RZ970 & PT-RX570  
Projektor yang berkualiti unggul ini (imej berkualiti & tahan lasak) sesuai untuk prestasi profesional elit yang senang dipasang serta memerlukan penyelenggaraan rendah dengan teknologi cahaya laser. Sebagai langkah pencegahan, aplikasi pengesanan amaran awal juga tersedia ada bagi meningkatkan keberkesanan di samping mengurangkan kegendalaan.
6. Pencetak Pelbagai Fungsi: KX-MB500  
Mesin ini meningkatkan produktiviti dan kecekapan di pejabat dengan ciri-ciri seperti cetak, imbas, faks dan salinan. Pengurusan dokumen bertambah senang dengan ciri-ciri tambahan seperti cetak terus Wifi dan cetakan A3.

7. Pengimbas Berkelajuan Tinggi

Siri pengimbas ini membolehkan pengimbasan berkelajuan tinggi untuk sehingga 100 mukasurat/minit bagi memenuhi keperluan syarikat untuk pendigitalan data.

8. Kamera 4K Profesional

Varicam LT baru yang padat serta ringan merupakan tambahan terkini kepada rangkaian pawagam Panasonic. Kamera Profesional ini mempunyai penghasilan warna yang terang serta pengoptimuman penstabilan imej, ciri-ciri yang amat dikehendaki ahli sinematografi hari ini.

Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, En Hiroyuki Muto berkata “Dengan kemajuan teknologi yang makin bertumpukan platform tunggal yang menggabungkan platform suara dan data, Panasonic terus memperkenalkan produk bertumpuan IP dengan matlamat mempertingkatkan produktiviti sambil mengurangkan jumlah kos pemilikan.

“Jika dibandingkan dengan pesaing kami, Panasonic mempunyai kelebihan dalam rangkaian produk kami yang luas. Menerusi integrasi produk tersebut, kami dapat menawarkan pengguna kami rumusan sehenti untuk operasi perniagaan harian mereka. Pengguna tidak perlu berjumpa dengan beberapa pembekal kerana kami berupaya memenuhi semua kehendak ini. Bersama Rakan Kongsi kami, Panasonic mampu menawarkan servis profesional yang termasuk khidmat perunding, rekabentuk sistem, demonstrasi, integrasi produk, servis pelaksanaan dan servis selepas jualan” tambah Muto.

Sebuah pameran menyeluruh dibina untuk memaparkan pelbagai rumusan yang dilancarkan baru-baru ini. Pameran tersebut diasingkan kepada 5 industri berbeza yang menggambarkan bagaimana Rumusan Perniagaan Panasonic mampu membantu secara berkesan operasi perniagaan harian pengguna kami.

1. Industri Pembangunan

Ini merupakan pameran pengurusan kondominium atau bangunan pejabat, memaparkan rumusan Voltan Teramat Rendah Panasonic yang terdiri daripada rumusan Pemantauan, Kawalan Akses, Komunikasi Interkom Video serta Sistem Pengurusan Tempat Letak Kereta.

2. Industri Pendidikan

Pameran rumusan menyeluruh untuk kemudahan pendidikan yang merangkumi:

- a) Pameran dan rumusan Komunikasi untuk bilik darjah, auditorium
- b) Rumusan Pengurusan Kemudahan
- c) Rumusan Pejabat & Dokumen untuk pejabat sokongan

3. Industri Hospitaliti

Ini merupakan pameran persekitaran hotel dengan demo langsung Rumusan Panasonic untuk rumusan komunikasi, keselamatan, rangkaian & paparan.

4. Industri Runcit

Pameran ini merupakan pengurusan keseluruhan cawangan runcit bertumpukan papan tanda digital, paparan, keselamatan, sistem tahap jualan dan Teknologi Asli Panasonic terbaru - Cahaya ID, sebuah teknologi pengedaran maklumat yang menghantar penerangan terperinci maklumat yang dikongsi dari papan tanda digital ke peranti mudah alih menerusi penyiaran cahaya.

5. Industri Siaran & Sinematografi

Ini merupakan pameran Kamera Profesional untuk studio TV dan Kamera Penerbitan 4K di dalam persekitaran studio. Sebuah studio yang lengkap telah dibina untuk mempamerkan pemasangan peralatan penyiaran yang bersepadu.

“Kumpulan Perniagaan Panasonic akan terus menawarkan rumusan profesional melalui integrasi rangkaian produk luas kami dengan memastikan produktiviti tinggi serta pulangan pelaburan yang lebih elok. Selain daripada menawarkan khidmat perunding dan servis rekabentuk sistem yang profesional, kami turut komited dalam menyediakan jaminan selepas jualan yang cemerlang,” kata Muto.

## About Panasonic

Panasonic Corporation is a worldwide leader in the development of diverse electronics technologies and solutions for customers in the consumer electronics, housing, automotive, enterprise solutions and device industries. Since its founding in 1918, the company has expanded globally and now operates 474 subsidiaries and 94 associated companies worldwide, recording consolidated net sales of 7.553 trillion yen for the year ended March 31, 2016. Committed to pursuing new value through innovation across divisional lines, the company uses its technologies to create a better life and a better world for its customers. To learn more about Panasonic: <http://www.panasonic.com/global>.

## About Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd is a sales, service and marketing company for the Panasonic brand of electrical and electronic products ranging from audio visuals, home appliances, air conditioners, indoor air quality, solar business, digital & video cameras, professional broadcasting equipment, system solutions, telecommunications, health & beauty care, batteries and lightings. All Panasonic products are available through our authorised dealers nationwide. For more information on Panasonic brand and products, visit our website at [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) or call our Customer Care Centre at 03-7953 7600.

For press members, download event and product press release and photos at [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar  
Manager, Corporate Communications & Branding  
Marketing Innovation Department  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)